

17/11/2003

Pas pelawa parti politik bincang dokumen

KOTA BHARU: Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Nik Mat mencadangkan semua presiden parti politik di negara ini mengadakan pertemuan dengan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, bagi membincangkan dokumen Negara Islam yang dikeluarkan parti itu, Rabu lalu.

Beliau yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, perbincangan itu penting dalam usaha menjelaskan kekeliruan yang timbul termasuk kebimbangan mengenai dasar berkenaan.

Katanya, Pas pada bila-bila masa bersedia mengadakan pertemuan dengan semua ketua parti politik negara ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, pertemuan itu perlu dihadiri ketua atau presiden parti politik sendiri, bukannya hanya mewakili kepada ahli mereka kerana pemimpin tertinggi perlu memikul tanggungjawab.

"Kita minta perbincangan diadakan dengan Pemangku Presiden Umno (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi), Presiden Gerakan (Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik), Presiden MCA (Datuk Seri Ong Ka Ting) dan barulah boleh dikira... gentleman.

"Kalau hanya bercakap seorang diri dan hebahkan (kritik) dalam akhbar, ini tidak gentleman," katanya kepada pemberita di pejabatnya di Kota Darulnaim, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kritikan pelbagai pihak mengenai dokumen 'Negara Islam' yang dilancarkan Pas, baru-baru ini yang didakwa tidak banyak beza dengan apa yang diamalkan kerajaan sehingga Malaysia diiktiraf sebagai sebuah negara Islam.

Kelmarin, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan dakwaan Pas untuk membina sebuah negara Islam sebenarnya satu penipuan untuk meraih sokongan.

Nik Abdul Aziz berkata, beliau bersyukur kerana dokumen itu menjadi bahan perbincangan di kalangan terpelajar dan menganggapnya sebagai satu kejayaan.

"Jika orang berniaga, barang yang dijual menjadi buah mulut, begitu juga keadaan orang politik, sesuatu (isu) menjadi perhatian ia adalah kejayaan," katanya.

Beliau berkata, walaupun Umno mendakwa Pas meniru apa yang sudah dilaksanakan parti itu, pihaknya beranggapan dasar tidak sama.

Misalnya, katanya, fahaman komunis dan demokrasi tidak selari tetapi mereka tetap mengadakan kemajuan seperti membina jalan dan bangunan di sesebuah negara.

"Kedua-dua fahaman ini tidak pernah menuduh mereka meniru antara satu sama lain kerana dasar mereka berlainan. Begitu juga dengan Pas dan Umno. Ada yang benda Pas buat, Umno pun buat dan sebaliknya. Tapi kita tak kata tiru kerana dasar berlainan," katanya.

Mengulas dakwaan Dr Mahathir bahawa Nik Aziz sememangnya suka berbohong apabila setiap kata-katanya mesti ada niat lain, beliau menyifatkan bekas Perdana Menteri itu sebagai tidak gentleman.